


## **BAB 6 : TELEKOMUNIKASI DI MALAYSIA**


### Sejarah Telekomunikasi Malaysia



### Alat Telekomunikasi di Malaysia

- Telefon
- Internet
- Television
- Radio
- Telefon pintar
- Tab/ Tablet
- Komputer

## Kemajuan Sistem Telekomunikasi Di Malaysia



### Satelit

- Sejalan dengan perkembangan internet dunia, sistem telekomunikasi negara juga turut berkembang
- Malaysia telah mula membina satelit bumi pertama di Kuantan, Pahang pada 6 April 1970.
- Ini diikuti dengan beberapa lagi stesen seperti di Alor Gajah (Melaka), Semantan (Sarawak) Wilayah Labuan dan Cyberjaya (Selangor)
- Perkembangan telekomunikasi bermula dengan pelancaran dua satelit Malaysia iaitu MEASAT I dan MEASAT II pada tahun 1996 dan diikuti oleh beberapa satelit MEASAT yang lain
- Malaysia juga telah melancarkan Satelit mikro pertama iaitu Tiungsat-I pada tahun 2000
- Ini disusuli dengan pelancaran RazakSAT pada 2009 yang berupaya membekalkan imej data yang lebih spesifik
- Siaran televisyen juga kian berkembang pesat. Siaran TV 1, TV 2 dan TV3 kini disiarkan dalam bentuk definisi tinggi (HD)
- Sehingga 2016, ASTRO juga telah menawarkan sehingga 185 saluran televisyen dan 20 siaran radio kepada pelanggan berbayar.

- **Kabel Fiber Optik**
  - Kabel fiber optik merupakan kabel yang diperbuat daripada serat kaca atau plastik yang sangat halus
  - Ia digunakan untuk menghantar isyarat telekomunikasi kepada peranti lain seperti komputer atau telefon
  
- **Telefon pintar**
  - Alat telekomunikasi yang kebanyakannya dimiliki oleh masyarakat sekarang
  - Alat ini dilengkapi dengan pelbagai aplikasi yang mampu menghantar maklumat dengan cepat
  
- **Syarikat Telekomunikasi**
  - Syarikat telekomunikasi utama Malaysia adalah Telekom Malaysia (TM)
  - Terdapat juga pelbagai syarikat swasta yang lain yang berkembang pesat sejajar dengan permintaan tinggi daripada penduduk
  
- **Komputer/ Laptop**
  - Komputer merupakan alat telekomunikasi yang biasa digunakan pada masa sekarang
  - Perisian di dalam komputer mampu melakukan kerja-kerja perkongsian maklumat dan data
  - Perhubungan seperti sidang video juga dapat dinikmati oleh pengguna biasa seperti perisian skype
  
- **Koridor Raya Multimedia**
  - MSC adalah pertubuhan yang diwujudkan untuk menyelia aktiviti-aktiviti yang melibatkan industri ICT tempatan
  
- **Rangkaian Jalur Lebar berkelajuan**
  - Dasar kerajaan untuk meningkatkan penggunaan ICT dalam kalangan rakyat telah mewujudkan penubuhan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM)
  - SKMM berusaha untuk meluaskan kemudahan jalur lebar ke serata Malaysia

#### Kepentingan Telekomunikasi Di Malaysia

- **Perkembangan sistem telekomunikasi negara telah membantu perkembangan ekonomi negara**
- **Perkembangan ini telah membantu**
  - a) **Memudah dan mempercepatkan penyebaran maklumat**
  - b) **Mengembangkan kegiatan ekonomi seperti perindustrian, pelancongan, pengangkutan dan lain-lain**
  - c) **Meluaskan pasaran barangan**
  - d) **Membuka peluang pekerjaan**

## Kesan Perkembangan Sistem Telekomunikasi Di Malaysia



### Penggunaan Alat Telekomunikasi Secara Beretika

- **Perluasan perkembangan teknologi telekomunikasi membolehkan setiap orang mendapat talian internet**
- **Kemudahan ini membolehkan kita menerima segala maklumat terkini secara terbuka**
- **Namun, terdapat juga pihak yang tidak bertanggungjawab cuba memanipulasi kelebihan ini untuk kepentingan peribadi**
- **Oleh itu, penggunaan alat telekomunikasi secara beretika perlu diterapkan kepada generasi muda agar kemudahan yang disediakan tidak disalahguna**

Tatacara penggunaan internet secara beretika



